

**BAHASA MELAYU (099)**  
**Sample Question Paper**  
**Class X (2025-26)**

**Markah: 80**

**Masa: 3 Jam**

---

**ARAHAN:**

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** berbentuk pelbagai pilihan (MCQ). Bahagian ini mempunyai 3 soalan, iaitu nombor **1, 2, dan 3**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** merupakan soalan berbentuk penulisan. Bahagian ini mempunyai 2 soalan, soalan **4 dan 5**. Jawab semua pada soalan 4. Soalan 5 terdiri daripada soalan (a) dan (b), anda hanya perlu pilih satu dan jawab.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 6, 7, dan 8** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 9, 10, 11, dan 12**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (50 minit), C (40 minit), dan D (40 minit)**.

**Bahagian A**  
**(15 Markah)**

**SOALAN 1**

Baca surat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the diary carefully, then answer the following questions.)

**(5 Markah)**

**10 JULAI 2015 (Jumaat)**

Kami bersiap-siap untuk pergi ke Kem Motivasi Perkasa, kira-kira pukul 12 kilometer dari sekolah kami. Sebuah bas telah bersedia untuk membawa kami yang seramai 38 orang ke sana. Cikgu Salmah telah menunggu kami di pekarangan sekolah untuk menyampaikan taklimat kepada kami.

Tepat pukul 8:00 pagi kami pun bertolak ke sana. Kira-kira setengah jam kemudian, kami berhenti seketika di Bukit Datuk. Di sana, kami membeli barang-barang untuk kegunaan sendiri. Setibanya kami di kem itu, kami dibawa ke asrama untuk berehat.

Pada sebelah petang, ceramah dan aktiviti berkumpulan diadakan untuk merangsang motivasi peserta. Soalan-soalan peperiksaan sejak tiga tahun lepas dibincangkan pada waktu malam. Program ini dikendalikan oleh guru-guru mata pelajaran yang berkenaan.

**11 JULAI 2015 (Sabtu)**

Kami menjalani latihan menjawab soalan ramalan bagi mata pelajaran Matematik dan Sains. Kami mendapat bimbingan daripada dua orang guru pakar. Kami didedahkan dengan strategi dan teknik untuk menjawab soalan berorientasikan peperiksaan.

Pada sebelah petang pula, kami mengikuti ceramah motivasi yang telah disampaikan oleh Dr. Zainal Abidin bin Abdul Ali, pakar motivasi yang telah diundang khas. Setiap peserta menanam tekad bukan sahaja untuk berjaya dalam peperiksaan, malahan mengejar wawasan hidup. Semangat kami semakin *berkobar-kobar*. Aku yakin bahawa kem motivasi mampu meningkatkan pencapaian kami dalam UPSR.

**12 JULAI 2015 (Ahad)**

Pada hari terakhir, kami dianugerahi sijil penyertaan yang disampaikan oleh Guru Besar, Encik Mustaffa bin Yaakob. Kami diminta menyimpan nota-nota dan risalah penting yang diberikan sepanjang kem.

Aku dan rakan-rakanku berazam untuk mengharumkan nama sekolah, terutamanya dalam UPSR yang bakal kami tempuhi nanti.

- I. Apakah yang dilakukan oleh mereka pada hari pertama di kem tersebut?
- A. Membeli barang-barang keperluan sendiri.
  - B. Mengikuti ceramah dan aktiviti berkumpulan.
  - C. Mengemaskan asrama untuk berehat.
  - D. Menjawab soalan mata pelajaran Matematik dan Sains.
- II. Apakah tujuan Cikgu Salmah menunggu peserta di pekarangan sekolah?
- A. Untuk membawa kami ke Kem Motivasi Perkasa.
  - B. Untuk memberikan penerangan ringkas kepada para peserta.
  - C. Untuk memastikan bahawa peserta telah bersiap sedia untuk ke Kem Motivasi Perkasa.
  - D. Untuk menyediakan bas yang akan membawa peserta ke Kem Motivasi Perkasa.
- III. Frasa *berkobar-kobar* dalam petikan bermaksud
- A. memancar-mancar
  - B. melambung-lambung
  - C. meluap-luap
  - D. melimpah-limpah
- IV. Yang berikut merupakan kepentingan kem motivasi, **kecuali**
- A. mendapat semangat untuk mencapai kejayaan dalam UPSR.
  - B. mendapat ramai kenalan untuk lulus dengan cemerlang.
  - C. memperoleh nota-nota dan risalah untuk tujuan rujukan.
  - D. mendapat pendedahan tentang teknik menjawab soalan peperiksaan.
- V. Antara berikut, yang manakah **tidak benar** tentang petikan?
- A. Kem itu diadakan selama tiga hari.
  - B. Peserta tinggal di asrama yang disediakan.
  - C. Peserta-peserta telah mencapai kejayaan dalam UPSR.
  - D. Program motivasi pada hari kedua disampaikan oleh penceramah luar.

## SOALAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the passage carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Tarikh 16 Mei pada setiap tahun merupakan tarikh yang amat bermakna kepada para guru di negara kita. Pada hari tersebut, sambutan hari guru diadakan secara besar-besaran di seluruh negara. Sambutan ini diadakan sebagai tanda menghormati dan menghargai jasa guru yang telah berkhidmat untuk mendidik anak bangsa.

Pelbagai acara dijalankan bersempena dengan sambutan tersebut. Pada peringkat sekolah misalnya, acara seperti persembahan pentas dan sukaneka diadakan. Semua guru serta murid terlibat untuk menjayakan acara tersebut. Acara sebegini bukan sahaja dapat menimbulkan suasana yang ceria di sekolah malahan dapat mewujudkan hubungan yang mesra.

Pada peringkat kebangsaan pula, majlis penganugerahan Guru Cemerlang diadakan. Anugerah Guru Cemerlang diberikan kepada tokoh guru yang telah banyak berjasa dalam bidang pendidikan di negara kita.

Sebenarnya, tanggungjawab guru bukan sekadar mengajar dan mencurahkan ilmu kepada murid-muridnya. Tugasnya lebih berat dan besar kerana guru harus bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keselamatan murid-muridnya. Selain itu, guru harus memelihara hubungan baik dengan ibu bapa dan masyarakat setempat juga.

Oleh itu, semua pihak perlulah menghargai jasa dan pengorbanan guru. Seluruh anggota masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada guru dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang dan berakhlak mulia.

- I. Tujuan sambutan hari guru diadakan adalah untuk
  - A. memberikan hadiah kepada guru.
  - B. mengenang dan menghargai bakti guru.
  - C. mengenal pasti dan memilih guru cemerlang.
  - D. mengadakan persembahan pentas yang melibatkan guru.
  
- II. Berdasarkan petikan, acara-acara di bawah ini diadakan bersempena dengan sambutan hari guru, kecuali
  - A. jamuan.
  - B. sukaneka.
  - C. persembahan pentas.
  - D. majlis penganugerahan Guru Cemerlang.

- III. Pelibatan murid dan guru untuk menjayakan acara sambutan hari guru dapat
- A. menjimatkan kos perbelanjaan.
  - B. meningkatkan pencapaian sekolah.
  - C. menyelesaikan masalah yang dihadapi.
  - D. menjalinkan kemesraan antara mereka.
- IV. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
- A. Jasa dan pengorbanan para guru wajar kita hargai.
  - B. Tanggungjawab guru terhadap murid-murid amat besar.
  - C. Hanya segelintir masyarakat perlu bekerjasama dengan guru.
  - D. Berbagai-bagai acara yang menarik diadakan semasa sambutan hari guru.
- V. Rangkai kata ***mencurahkan ilmu*** yang terlatih dalam petikan bermaksud
- A. memberikan ganjaran.
  - B. berkongsi pengalaman.
  - C. mendapatkan pengajaran.
  - D. memberikan pengetahuan.

### SOALAN 3

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the passage carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Aku berasa sungguh gembira kerana dapat melawat ke perkampungan orang asli di Pulau Gundah. Tujuan kami melawat ke perkampungan tersebut adalah untuk mengenali kebudayaan dan kehidupan masyarakat orang asli.

Kedatangan kami disambut dengan persembahan tarian sewang. Tarian sewang merupakan salah satu cabang kesenian orang asli yang *menarik hati* aku dan rakan-rakan. Menurut Tuk Batin Amat, tarian sewang ditarikan untuk pelbagai acara dan sambutan perayaan. Biasanya, tarian sewang dipersembahkan ketika merawat pesakit, menyambut tetamu, serta membuka pantang larang yang menandakan berakhirnya tempoh pantang larang tersebut. Tarian ini juga dipersembahkan ketika upacara pembukaan ladang baharu, bersuka ria, dan meraikan kegembiraan kerana memperoleh hasil tanaman yang banyak.

Tarian ini juga diselitkan dengan nyanyian yang diiringi paluan buluh yang dinamakan centong dan gong. Ada sebahagian centong dibuat daripada buluh beruas panjang, manakala sebahagiannya pula diperbuat daripada buluh beruas pendek. Tujuan ukuran buluh itu tidak sama adalah untuk menghasilkan irama dan rentak tarian yang berbeza-beza. Tarian sewang dipersembahkan dengan iringan enam orang pemuzik serta nyanyian yang diketuai oleh tukang gabak.

Penari wanita akan mengetuk buluh centong di atas buluh panjang untuk mengeluarkan bunyi yang nyaring. Penari sewang akan memakai daun kelapa yang diselempangkan di badan, manakala pemuziknya pula memakai lilitan anyaman daun kelapa yang disebut sebagai gulung. Lagu yang dinyanyikan untuk mengiringi penari yang bukan bertujuan untuk perubatan, biasanya berdasarkan cara hidup serta persekitaran masyarakat orang asli.

Kami turut diajar oleh penari cara menarikan tarian sewang. Memang menyeronokkan kerana aku dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman tentang masyarakat orang asli.

- I. Apakah tujuan penulis dan rakan-rakan melawat ke perkampungan orang asli?
- A. Memahami dan mengenali kebudayaan dan kehidupan masyarakat orang asli.
  - B. Menjalankan upacara mengubati penyakit yang dijalankan oleh penduduk orang asli.
  - C. Mempelajari tarian sewang yang merupakan kebudayaan dan kesenian masyarakat orang asli yang unik.
  - D. Mengetahui cara-cara tarian sewang ditarikan agar dapat diperkenalkan di sekolah.

- II. Tarian sewang akan dimainkan pada acara berikut, **kecuali**
- A. menyambut tetamu
  - B. pembukaan ladang baharu
  - C. kematian
  - D. merawat pesakit
- III. Mengapakah terdapat perbezaan ukuran pada centong?
- A. Menghasilkan irama yang agak kuat tetapi merdu sekali.
  - B. Menghasilkan bunyi dan rentak tarian yang berbeza.
  - C. Mempelbagaikan irama dan gerak tarian para penari tarian sewang.
  - D. Membezakan gerakan tarian dengan bunyi yang dihasilkan.
- IV. Apakah maksud frasa *menarik hati* dalam petikan di atas?
- A. tawan hati
  - B. tawar hati
  - C. besar hati
  - D. kecil hati
- V. Pernyataan berikut adalah benar berdasarkan petikan di atas, **KECUALI**
- A. Tarian sewang turut ditarikan semasa tetamu berangkat pulang.
  - B. Penari sewang memakai lilitan anyaman daun kelapa yang disebut gulung.
  - C. Penulis dan rakan-rakannya memperoleh pengetahuan dan pengalaman tentang kebudayaan masyarakat orang asli.
  - D. Alat centong juga diperbuat daripada pelbagai jenis buluh.

**Bahagian B**  
**(20 Markah)**

**SOALAN 4**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **faedah permainan tradisional kepada para remaja**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan. (Read the passage carefully and write a summary on benefits of traditional games to teenagers. The summary should be no more than 80 words. You are encouraged to use your own sentences without changing the original meaning of the statement.) **(10 markah)**

Sejak akhir-akhir ini permainan tradisional kurang mendapat sambutan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada hari ini lebih terdedah dengan pelbagai permainan yang lebih moden serta tidak mengetahui faedah-faedah bermain permainan tradisional.

Antara faedah bermain permainan tradisional termasuklah dapat mengisi masa lapang. Remaja kini lebih gemar menghabiskan masa mereka dengan permainan video dan melepak di pusat beli-belah. Namun begitu, permainan tradisional dapat mengelakkan situasi tersebut berlaku. Sebagai contoh, remaja boleh bermain dam haji atau congkak untuk memanfaatkan masa lapang. Dengan cara tersebut, remaja dapat mempelajari ilmu permainan tradisional dan mengetahui kepentingan nilai kesabaran dalam diri ketika bermain permainan tradisional.

Selain itu, permainan tradisional merupakan satu daripada platform penting untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan remaja. Hubungan kekeluargaan dan persahabatan dapat dieratkan sewaktu permainan tradisional. Sebagai contohnya, semasa para remaja bermain sepak takraw bersama-sama dengan rakan, mereka berpeluang untuk berkenalan dengan orang lain dengan lebih rapat lagi. Dengan cara ini, mereka dapat meluaskan lingkungan sosial mereka juga.

Di samping itu, permainan tradisional dapat memupuk semangat kerjasama dan persefahaman. Sebagai contoh, permainan wau memerlukan dua pihak untuk bekerjasama bagi menaikkan wau tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat membentuk prinsip kehidupan yang saling memerlukan.

Seterusnya, permainan tradisional merupakan hiburan yang menarik untuk para remaja. Mereka tidak memerlukan peralatan yang mahal atau kawasan yang luas untuk permainan ini. Oleh itu, permainan tradisional dapat memberikan keseronokan kepada remaja tanpa perlu berbelanja besar.

Faedah yang terakhir ialah permainan tradisional dapat memelihara warisan budaya bangsa daripada lenyap begitu sahaja. Para remaja perlu mempelajari dan menghayati seni yang terkandung dalam permainan tradisional kerana setiap permainan tradisional mempunyai kaedah yang tersendiri untuk dimainkan.

Tegasnya, terdapat pelbagai faedah yang dapat diperoleh jika para remaja terlibat dalam permainan tradisional. Semua pihak perlu berpadu tenaga untuk mempopularkan permainan tradisional semula agar tidak tenggelam oleh arus permodenan.

(Dipetik dan diubah suai daripada “Faedah Permainan Tradisional kepada Remaja”, *Dewan Siswa*, Bil. 9, Dewan Bahasa dan Pustaka)

## SOALAN 5

Pilih salah satu daripada tajuk di bawah dan tuliskan sebuah karangan. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(Pick any one of the topics below and write an essay. The summary should be no more than 150 words.) **(10 Markah)**

- (a) Internet memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat pada masa ini. Namun, penggunaan internet dengan cara yang tidak tepat mampu membawa keburukan kepada pengguna.

Bincangkan kesan-kesan buruk penggunaan internet kepada pelajar.

**ATAU**

- (b) Kejadian banjir yang berlaku di tempat anda baru-baru ini telah meninggalkan pelbagai kesan.

Tulis sebuah karangan tentang kesan-kesan akibat banjir.

## Bahagian C

(20 Markah)

### SOALAN 6

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.  
(Rearrange the phrases below to form complete sentences.)

(5 Markah)

- I. sangat penting / sikap berdikari / Aktiviti perkhemahan / kerana / dalam kalangan / dapat memupuk / peserta.

---

- II. bertujuan untuk / Pembinaan gelanggang / melalui / memupuk perpaduan / aktiviti sukan. / dalam kalangan / bola jaring / masyarakat

---

- III. di / sungguh / Pasar Raya Borong Selayang / pagi. / terutamanya / hiruk-pikuk / pada / Suasana / waktu

---

- IV. kawasan kampung / sedang / mereka. / bergotong-royong / membersihkan / Penduduk / Pulau Manis / kampung

---

- V. mendapat / perlu / Setiap murid / agar / berkat. / menghormati / dipelajari / guru / ilmu yang /

---

## SOALAN 7

Pilih jawapan yang paling tepat.  
(Choose the correct answer.)

(10 Markah)

- I. \_\_\_\_\_ akan menyambut hari ulang tahun keputeraan yang ke-60 pada bulan hadapan.
- A. Patik
  - B. Beliau
  - C. Hamba
  - D. Baginda
- II. Haikal bermain bola sepak di padang. \_\_\_\_\_ bermain bersama rakan-rakan.
- A. Kami
  - B. Engkau
  - C. Dia
  - D. Mereka
- III. Kemalangan ngeri itu telah \_\_\_\_\_ nyawa keluarganya dalam sekelip mata.
- A. meragut
  - B. mengambil
  - C. melenyapkan
  - D. menghilangkan
- IV. Murid cemerlang itu perlu menghadiri \_\_\_\_\_ yang akan diadakan untuk memastikan dia dapat menerima biasiswa.
- A. temu bual
  - B. soal balas
  - C. temu duga
  - D. soal jawab
- V. Gadis itu akan berusaha \_\_\_\_\_ berjaya dalam bidang fesyen yang diminati itu.
- A. kerana
  - B. hingga
  - C. apabila
  - D. sementara

- VI. Pameran komputer itu dibuka \_\_\_\_\_ orang ramai.
- A. pada
  - B. dengan
  - C. kepada
  - D. daripada
- VII. Dia berjaya kerana dia \_\_\_\_\_ menghadapi cabaran dalam hidup.
- A. tahan
  - B. tuntas
  - C. tabah
  - D. cekap
- VIII. Harga kain batik tulis lebih mahal \_\_\_\_\_ harga kain batik cap.
- A. dengan
  - B. dari
  - C. oleh
  - D. daripada
- IX. \_\_\_\_\_ Encik Sulaiman telah dinaikkan pangkat, beliau tidak sombong.
- A. Sekalipun
  - B. Jikalaupun
  - C. Mahupun
  - D. Sungguhpun
- X. Ayah terpaksa menjual \_\_\_\_\_ tanah pusaka untuk membiayai pelajaran abang di luar negara.
- A. selembat
  - B. sebuah
  - C. sepotong
  - D. sebidang

## SOALAN 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.  
(Choose the correct idioms to fill in the blanks.)

**(5 Markah)**

- ✓ puas hati
- ✓ sediakan payung sebelum hujan
- ✓ bagai bulan jatuh ke riba
- ✓ sudah diberikan betis, hendakkan paha
- ✓ ada udang di sebalik batu

- I. Shalini berbaik-baik dengan kakaknya selama dua bulan sahaja kerana \_\_\_\_\_.
- II. Hadiah rumah banglo yang dimenangi oleh Lim dalam peraduan teka silang kata \_\_\_\_\_.
- III. Puan Siti tidak puas hati dengan hadiah yang diberikan oleh suaminya. Puan Siti menyuruh suaminya membelikan hadiah yang lagi besar. Sikap Puan Siti ibarat \_\_\_\_\_.
- IV. Puan Sheela menasihati anak-anaknya berjimat-cermat dan menyimpan wang untuk masa hadapan, seperti kata bidalan \_\_\_\_\_.
- V. Puan Lina berasa \_\_\_\_\_ dengan keputusan peperiksaan anaknya.

## Bahagian D

(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.  
(This section consists of four parts. You are required to answer all questions.)

### SOALAN 9

Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

- |                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| a Santap beradat, santap istiadat,<br>Santap raja di majlis kebesaran,<br>Santap merai, hormat-menghormat,<br>Bukan santap hendakkan kenyang,<br>Santap santun dengan aturan.                                                   | d Ketujuh berkumur-kumur,<br>Ke delapan makan sirih,<br>Kelat jatuh ke <i>rengkungan</i> ,<br>Seri naik ke peroman. |
| b Nasi disuap di tangan kanan,<br>Lauk dibinjat sopan siuman,<br>Sampai ke mulut mamah perlahan,<br>Tanda tidak gelojoh makan,<br>Selesai santap nasi –<br>Diiringkan seteguk minuman,<br>Isyarat menghormat, mulia-memuliakan. | e Itulah santap beradat kebesaran,<br>Di dalam Riwayat zaman yang silam.                                            |
| c Santap nasi suap pertama,<br>Berturut dengan suapan kedua;<br>Dua suap, ketiga sudah,<br>Keempatnya basuh tangan;<br>Kelima halwa juadah,<br>Keenam mengiringi buah-buahan.                                                   | Za'ba<br>(Antalogi Bintang Hati, 2016)                                                                              |

I. Apakah maksud kata “*rengkungan*” dalam rangkap keempat baris ketiga?

- A. pinggan
- B. lantai
- C. kerongkong
- D. riba

II. Berdasarkan rangkap 1, mengapakah santap beradat dilakukan?

- A. untuk mengenyangkan perut
- B. untuk menghargai makanan
- C. untuk menghormati dan meraikan tetamu
- D. untuk dihormati oleh tetamu

“Adab dan tatacara makan secara beradat dalam sesuatu majlis telah diamalkan sejak zaman dahulu.”

III. Pernyataan di atas dinyatakan dalam rangkap \_\_\_\_\_.

- A. rangkap 2
- B. rangkap 3
- C. rangkap 4
- D. rangkap 5

IV. Berdasarkan rangkap kedua, dalam adab makan nasi air seharusnya minum \_\_\_\_\_.

- A. sambil mengunyah nasi
- B. sebelum makan nasi
- C. selepas makan nasi
- D. selepas ambil makanan

V. Berikut merupakan persoalan yang terdapat dalam seloka Santap Beristiadat, **KECUALI**

- A. Sikap berhemah tinggi ketika menjamu makanan.
- B. Sikap menghormati tetamu
- C. Sikap baik terhadap tetamu
- D. Sikap ketika berjenaka dengan tetamu

## SOALAN 10

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

### Kijang yang Lelah

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema  
Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba  
Dia tidak lagi mampu menobat takhta  
Mengorak telapak di tanah menghihiau.

Saat itu  
Sebak menyentap dahan kalbu  
Dedaun resah mula berguguran  
Pepohon batin akhirnya tumbang  
Akarnya menguncup di perdu harap.

Hari ini  
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki  
Menghambat waktu yang bersisa  
Walau dalam jera lelah  
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga.

Bimbang tersadung akar dan jerat  
Sang kijang lebih berhati-hati menapak  
Meski dalam peribadi yang keruh  
Diredah belantara yang mula teduh  
Nun jauh di batas nuraninya  
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah  
terus mengorak penuh berhemah  
dengan akal dan hati  
dia tidak lagi gundah  
menyusun gerak dan langkah.

(Wan Marzuki Wan Ramli

*Mingguan Malaysia,*

Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.)

- I. Nyatakan tema bagi sajak di atas? (1 markah)
- II. Berdasarkan rangkap keempat, apakah yang dilakukan oleh kijang? (2 markah)
- III. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi sikap mudah berputus asa dalam diri. (2 markah)

## SOALAN 11

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the passage below carefully, then answer the following questions.)

(9 markah)

Setelah didengar oleh isterinya kata suaminya itu demikian, maka ia pun menangis. Maka kata suaminya, “Diamlah tuan dahulu, jangan menangis, biarlah kakanda pergi mencari akan tuan buah mempelam itu. Jikalau dapat oleh kakanda akan buah mempelam itu kakanda berikan kepada tuan.”

Maka baharulah ia diam. Maka suaminya pun pergilah berjalan. Setelah ia bertemu dengan kedai orang berjual buah itu, maka Miskin itu pun berhentilah di situ. Hendak pun dipintanya takut ia akan orang. Maka katanya orang berkedai, “Apa kehendakmu, Miskin?”

Maka sahut Miskin, “Jikalau ada belas serta kasihan tuan hamba akan orang daif lagi miskin telah terbuang itu, hamba hendak akan buah yang buruk-buruknya itu barang sebuah sahaja.”

Maka terlalulah kasihan rasanya hati segala yang mendengar kata Si Miskin itu seperti akan hancur rasanya.

Maka ada yang memberi buah,

ada yang memberi juadah,  
ada yang memberi nasi,  
ada yang memberi kain,  
ada yang memberi buah-buahan,  
akan anak yang diidamkan oleh isterinya.

(Dipetik daripada prosa tradisional “Bahagia Sesudah Derita” dalam antologi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- I. Apakah yang diterima oleh Si Miskin setelah mereka mendengar keluhannya dengan orang berkedai? (3 markah)

---

---

---

- II. Jelaskan **dua** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan di atas. (3 markah)

---

---

---

---

---

---

- III. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara sepatutnya anda lakukan untuk membantu golongan miskin? (3 markah)

---

---

---

---

---

#### SOALAN 12

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati, jelaskan **tiga persoalan** dan **peristiwa** yang berkaitan dengan persoalan tersebut dalam cerpen “*Sekeping Tanah*”.

(6 Markah)

---

---

---